

CNS2219

R GB 18-02 00182 BH426

aab

Mahathir - Universiti

(EMBARGO: untuk siaran selepas 10 malam ini, 18 Feb)

T

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mahasiswa dan kakitangan universiti perlu menganggap politik hanya sebagai kegiatan sampingan walaupun ramai yang mungkin berpendapat mereka juga layak seperti yang lain untuk menceburi politik negara.

Mereka boleh menonjolkan diri dan bergiat dalam bidang politik jika mahu, kata Perdana Menteri.

+Tetapi jika anda berkata anda perlu kekal sebagai kakitangan universiti untuk memperolehi pendapatan dan pada masa yang sama, anda mahu membabitkan diri untuk menentukan bagaimana negara harus ditadbir, maka saya fikir itu tidak dapat diterima,+ kata beliau dalam rancangan +Wawancara Khas dengan Perdana Menteri+ yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Perdana Menteri menjawab soalan daripada seorang daripada tiga anggota panel yang menemuramah beliau mengenai taraf universiti-universiti tempatan yang dikatakan telah menurun kerana kakitangan tidak berpuas hati, antara lainnya, terhadap Akta Universiti atau keadaan bekerja.

Beliau berkata Akta Universiti dan Kolej Universiti tidak ada kena-mengena dengan kelayakan akademik dan tidak menimbulkan beban. -- Lagi

♥18/02/16-01MST

R GB 18-02 00137 BH427

aab

Mahathir - Universiti 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Sepatutnya, ia harus memberi sumbangan kerana barulah rakyat dapat memusatkan perhatian kepada pembelajaran dan tidak lagi aktiviti seumpama itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan membelanjakan \$1,000 juta setahun bagi universiti tempatan dan kerajaan tidak boleh semata-mata menaikkan gaji kakitangan universiti tanpa menaikkan gaji seluruh kakitangan perkhidmatan kerajaan.

Beliau meminta mereka yang beranggapan mereka boleh menikmati pendapatan yang lebih baik jika meninggalkan perkhidmatan kerajaan supaya mencubanya tetapi mengingatkan banyak pegawai kerajaan yang memutuskan untuk meninggalkan perkhidmatan kerajaan, datang balik menemui beliau meminta pertolongan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, apabila pegawai kerajaan meninggalkan perkhidmatan, mereka tidak dapat menikmati keistimewaan kakitangan dan, peluang-peluang yang nampaknya wujud ketika dianya berada dalam kerajaan tiba-tiba lenyap sebaik sahaja pegawai berkenaan meninggalkan perkhidmatan kerajaan. -- Lagi

♥18/02/16-01MST

R GB 18-02 \*00182 BH428

aab

Mahathir - Universiti 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu rakyat menumpukan perhatian kepada bidang yang mereka boleh memberi sumbangan dan tidak mendabik dada menyatakan jika bergiat dalam bidang lain, maka mereka boleh melakukannya lebih baik daripada orang yang melakukan pekerjaan itu.

Beliau juga menyentuh mengenai pembangunan kerjaya dan menekankan bahawa penuntut yang keluar universiti harus mempelajari selok-belok bidang berkenaan dahulu dan tidak terus merebut kerja yang sesetengah daripada mereka menjangka memperolehnya.

Di Jepun, katanya, mereka yang keluar dari universiti memulakan kerjaya dari bawah sebelum menjadi eksekutif dan cara ini dapat mewujudkan etika kerja yang baik di samping mengetahui dengan jelas siapakah yang akan bekerja di bawah mereka.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerana kehendak dan harapan rakyat di negara ini, amatlah sukar untuk memujuk mereka bahawa mereka harus bermula dari bawah dan kemudian barulah naik.

Beliau berkata, satu daripada sebab kerajaan memberi penekanan yang lebih kepada matapelajaran vokasional ialah sebagai persiapan bagi mereka hidup dalam suasana tertentu terutama dalam negara perindustrian. -- Lagi

♥18/02/16-02MST

aab

Mahathir - Universiti 4 Kuala Lumpur (Embargo)

+Anda perlu tahu bagaimana untuk hidup dalam persekitaran seumpama itu,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu sektor swasta menyertai program latihan seperti itu.

Beliau berkata, kerajaan menubuhkan lebih banyak institusi latihan dan sekolah vokasional dan tidak hairanlah jika mereka yang meninggalkan sekolah diambil bekerja oleh industri sedangkan mereka yang berkelulusan akademik sukar untuk mendapat kerja.

+Jadi, kita sedang cuba membetulkan keadaan ini dan berharap sektor swasta akan bekerjasama dengan kerajaan dalam hubungan ini,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada latihan yang diamalkan di Jepun melalui pendekatan menggalakkan lebih ramai orang bekerja pada peringkat bawah dan ini dapat menampung jumlah yang lebih banyak. -- Lagi

♥18/02/19-32MST

R GB 18-02 00096 BH457

aab

Mahathir - Universiti 5 Kuala Lumpur (Embargo)

Permintaan negara amatlah tinggi dan oleh itu, latihan secara beramai-ramai perlu dan justru itu, pendekatan Jepun lebih baik kerana ia tidak bergantung kepada mana-mana orang untuk mahir dalam bidang berkenaan, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyentuh mengenai pendekatan latihan yang diamalkan di Jerman yang mempunyai orang yang mahir dalam bidang tertentu dan mengambil perantis.

+Walaupun pendekatan Jerman itu juga berjaya tetapi pemindahan kemahiran dan pengetahuannya terhad kerana ia terlalu bergantung kepada individu,+ kata beliau. -- Bernama

♥18/02/19-37MST